

Rujukan Kami : KTPK 18/4/2.01 Jld.5 ()
Tarikh : Februari 2000

PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL. 2 TAHUN 2000

POLISI PEMANTAUAN TAPAK WEB DAN MAKLUMBALAS INTERNET JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

1. TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan dasar dan polisi pemantauan Tapak Web dan maklumbalas Internet di Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri bagi memastikan laman web berkeadaan sedia untuk dilayari oleh pengguna.

2. LATARBELAKANG

Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 3 Tahun 1997 yang berkuatkuasa mulai 7 Ogos 1997 telah menggariskan polisi pelaksanaan Sistem Rangkaian Setempat (LAN) di Ibu Pejabat JUPEM. Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 7 Tahun 1998 yang berkuatkuasa mulai 30 Disember 1998 telah menggariskan polisi keselamatan sistem rangkaian setempat (LAN) Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia. Memandangkan laman web Ibu Pejabat JUPEM dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri telahpun beroperasi sepenuhnya dan boleh dicapai oleh pengguna Internet serta terdapat kemudahan E-Commerce kepada pengguna untuk membeli maklumat kadaster, Jabatan berpendapat perlunya ditetapkan dasar serta polisi pemantauan Tapak Web dan maklumbalas Internet.

2.1 Tapak Web

2.1.1 Tapak Web adalah ditakrifkan sebagai terdiri daripada komponen-komponen seperti berikut :-

a) Ibu Pejabat

- i. Pelayan Web,
- ii. Pelayan NT,
- iii. Talian litar suwa, Converter dan Router,
- iv. Pelayan Mail,
- v. Pelayan Firewall,
- vi. Storan informasi komponen-komponen di atas.

b) Jabatan Ukur Negeri

- i. Pelayan Web,
- ii. Pelayan NT,
- iii. Talian litar suwa, Modem dan Router,
- iv. Pelayan Mail,
- v. Pelayan Map,
- vi. Pelayan Firewall,
- vii. Storan informasi komponen-komponen di atas,
- viii. Capaian ke pangkalan data PDUK dan SPID.

2.1.2 Tapak Web adalah kawasan terhad dan hanya pengguna tertentu dibenarkan memasuki tapak berkenaan untuk tujuan pengemaskinian, penyelenggaraan dan pengkonfigurasian. Pengguna tersebut adalah terdiri daripada Pegawai Pemantau, pegawai-pegawai daripada syarikat penyelenggara seperti TELEKOM, MIMOS, vendor dan mereka yang diberi kebenaran dari Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia atau Pengarah Ukur Negeri.

2.2 Maklumbalas Internet

Maklumbalas Internet adalah ditakrifkan sebagai apa-apa maklumat yang diterima melalui infomasi tetamu (Guestbook), komen (Feedback) dan juga e-mail.

3. **PERLANTIKAN PEGAWAI PEMANTAU**

Pegawai Pemantau Tapak Web dan maklumbalas Internet di Ibu Pejabat JUPEM adalah terdiri daripada pegawai yang dilantik oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia. Manakala Pegawai Pemantau di setiap Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri adalah terdiri daripada pegawai yang dilantik oleh Pengarah Ukur Negeri masing-masing. Pengarah Ukur Negeri adalah diminta menentukan pegawai berkenaan dan memaklumkan perlantikan tersebut kepada Ibu Pejabat.

4. **BIDANG TUGAS PEGAWAI PEMANTAU**

Pegawai Pemantau hendaklah sentiasa membantu pihak pengurusan atasan memastikan Tapak Web sentiasa berkeadaan sedia untuk dilayari oleh pengguna Internet. Beliau juga bertanggungjawab untuk menyalurkan maklumbalas dari Internet ke pihak pengurusan dari semasa ke semasa.

Bidang tugas Pegawai Pemantau adalah seperti berikut :-

- i. Melakukan pemeriksaan setiap pagi ke atas semua komponen Tapak Web dengan memastikan ianya sentiasa 'ON'.
- ii. Membuat capaian ke atas semua komponen Tapak Web bagi memastikan talian litar suwa dan komunikasi ke JARING adalah beroperasi.

- iii. Menghidupkan komponen Tapak Web jika komponen tersebut tidak berjalan.
- iv. Melaporkan kepada pihak pengurusan dan penyelenggara seperti TELEKOM, MIMOS atau vendor sekiranya berlaku kerosakan ke atas komponen Tapak Web.
- v. Menyalurkan maklumbalas Internet kepada pihak pengurusan untuk tindakan selanjutnya.
- vi. Bertanggungjawab membalas e-mail jawapan bagi pihak Jabatan dengan satu (1) salinan kepada Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia (bagi Ibu Pejabat) atau Pengarah Ukur Negeri (bagi JUPEM negeri-negeri).
- vii. Melaporkan kepada pihak pengurusan sekiranya berlaku pencerobohan ke atas Tapak Web oleh pengguna yang tidak sah.
- viii. Bertanggungjawab ke atas konfigurasi Firewall dan memastikan keselamatan Tapak Web Jabatan terkawal.
- ix. Menjalankan pembersihan berkala ke atas storan informasi mana-mana komponen Tapak Web.

5. MAKLUMBALAS INTERNET

- 5.1 Bagi memastikan semua maklumbalas Internet mendapat layanan yang sewajarnya, maka pihak pengurusan di Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan dan di setiap Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri setelah menerima maklumbalas Internet dari Pegawai Pemantau hendaklah mengambil tindakan segera ke atas maklumbalas tersebut. Jawapan hendaklah dibalas melalui Pegawai Pemantau.
- 5.2 Sekiranya maklumbalas Internet yang diterima itu menyentuh dasar Jabatan, Pengarah Ukur Bahagian dan Pengarah Ukur Negeri hendaklah merujuk perkara tersebut kepada Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia.

6. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh pengeluarannya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“CINTAILAH BAHASA KITA”

(DATO' ABDUL MAJID BIN MOHAMED)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.